

ULASAN BUKU

**ULASAN BUKU: 61 TAHUN GRAND STRATEGY MALAYSIA – CHINA
OLEH MOHAMAD IKHRAM MOHAMAD RIDZUAN, MOHD IKBAL
MOHD HUDA DAN SITY DAUD, BANGI, PENERBIT UNIVERSITI
KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM) PRESS, 2024, 133pp,**

ISBN: 9786294862555^{©Σ}

SAFIQAH ABDUL SUNNAT* DAN NURQAMARINA BAHARUDDIN[†]

Buku *61 Tahun Grand Strategy Malaysia terhadap China* karya Mohamad Ikhram Mohamad Ridzuan, Mohd Ikbāl Mohd Huda, dan Sity Daud merupakan sebuah karya akademik yang menawarkan analisis mendalam tentang evolusi dasar luar Malaysia terhadap China dari tahun 1957 hingga 2018. Buku ini diterbitkan oleh Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 2024, menandakan satu pencapaian penting dalam kajian hubungan antarabangsa Malaysia dan kuasa besar China. Karya ini menggabungkan pendekatan sejarah, politik, dan ekonomi dalam menganalisis bagaimana Malaysia sebagai sebuah negara kecil berjaya mengatur strategi hubungan diplomatik dengan China, yang telah melalui pelbagai fasa perubahan besar iaitu daripada permusuhan semasa era Perang Dingin kepada hubungan normalisasi dan akhirnya kepada hubungan diplomasi strategik yang matang. Melalui aplikasi pelbagai sumber primer dan sekunder, penulis menggambarkan bagaimana perubahan dalam struktur antarabangsa, tekanan domestik, dan peranan pemimpin telah mempengaruhi pendekatan Malaysia terhadap China.

Buku ini terdiri daripada lima bab utama yang mengupas evolusi hubungan Malaysia-China sejak tahun 1957 hingga 2018, dengan menghubungkan konsep teori, analisis sejarah, dan perspektif geopolitik. Bab pertama memperkenalkan konsep grand strategy sebagai kerangka penting dalam dasar luar Malaysia, menekankan pendekatan pragmatik dan fleksibel yang digunakan oleh negara kecil untuk menangani cabaran geopolitik. Penulis memulakan bab ini dengan menyelami konsep asas grand strategy yang sering diaplikasikan oleh negara-negara besar untuk mengimbangi kuasa global, tetapi relevan juga bagi negara kecil seperti Malaysia. Bab ini membincangkan bagaimana Malaysia, walaupun terhad dari segi sumber dan kekuatan ketenteraan, berjaya merangka strategi yang dinamik untuk mengimbangi hubungan dengan China. Penulis menetengahkan perubahan besar dalam struktur antarabangsa yang mempengaruhi pendekatan Malaysia

© The Author(s). 2024. Published by UKM Press on behalf of SPHEA, FSSH, UKM, and MAFDC. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution License (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>), which permits unrestricted reuse, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited.

^Σ **Article Info:** Submission date: 30 December 2024; Acceptance date: 30 December 2024; Publication date: 31 December 2024.

* **First Author:** Safiqah Abdul Sunnat, adalah pelajar pascasiswazah di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia. Email: safiqah_sunnat_ma23@iluv.ums.edu.my

[†] **Second and Corresponding Author:** Nurqamarina Baharuddin, adalah pelajar postgraduate di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia. Email: nurqamarina_baharuddin_ma23@iluv.ums.edu.my

terhadap China, termasuk faktor domestik seperti tekanan politik dan cabaran sosioekonomi. Penggunaan pendekatan kondusif, selektif, dan pragmatik oleh Malaysia telah menjadi asas penting kepada evolusi hubungan bilateral ini (Ridzuan et al., 2024).

Bab dua pula menganalisis kepada hubungan Malaysia-China pada era Perang Dingin, yang dicirikan oleh permusuhan akibat ancaman ideologi komunisme dan pengaruh China terhadap Parti Komunis Malaya (PKM). Penulis menjelaskan bagaimana Malaysia di bawah Tunku Abdul Rahman memilih untuk menjauhi China, sejajar dengan dasar pro-Barat yang menolak komunisme. Perubahan signifikan berlaku pada era Tun Abdul Razak, yang mengiktiraf China secara rasmi pada tahun 1974. Perubahan ini didorong oleh kesedaran tentang keperluan menormalisasikan hubungan dengan China dalam memastikan kestabilan domestik dan serantau. Bab ini berjaya menggambarkan bagaimana Malaysia mengadaptasi perubahan dalam struktur geopolitik antarabangsa untuk kepentingan nasionalnya. Bab tiga diteruskan dengan memfokuskan hubungan yang semakin matang dan pragmatik antara Malaysia dan China, terutama pada era kepimpinan Dr. Mahathir Mohamad. Penulis menyoroti bagaimana Mahathir menggunakan pendekatan realisme neoklasik dalam hubungan dua hala. Malaysia berjaya memanfaatkan sokongan China ketika Krisis Kewangan Asia 1997, yang menjadi bukti pengaruh positif hubungan diplomatik ini. Di samping itu, Mahathir mengukuhkan hubungan perdagangan dan ekonomi dengan China sambil menggalakkan penglibatan China dalam inisiatif serantau seperti ASEAN-China Free Trade Area (ACFTA). Walau bagaimanapun, isu seperti ketidakseimbangan perdagangan dan perbezaan pendirian mengenai beberapa isu global tetap menjadi cabaran.

Seterusnya bab empat menghujahkan kepada pengukuhan hubungan strategik antara Malaysia dan China, terutama pada era kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi dan Najib Razak. Penulis membincangkan projek-projek besar seperti East Coast Rail Link (ECRL), Malaysia-China Kuantan Industrial Park, dan pelbagai inisiatif lain yang meningkatkan hubungan ekonomi dua hala. Namun, bab ini juga menentang cabaran yang dihadapi oleh Malaysia, seperti isu pencerobohan wilayah di Laut China Selatan dan ketidakseimbangan ekonomi akibat dominasi China dalam perdagangan. Walaupun begitu, pemimpin Malaysia berjaya mengekalkan hubungan diplomatik yang baik dengan China, termasuk melalui latihan ketenteraan bersama dan pelbagai perjanjian strategik (Ridzuan et al., 2023). Bab ini memperlihatkan bagaimana Malaysia terus memanfaatkan hubungan dengan China untuk pembangunan nasional, walaupun terdapat cabaran geopolitik. Bab lima menilai pencapaian dan cabaran dasar luar Malaysia terhadap China. Penulis menegaskan bahawa grand strategy Malaysia telah membuahkan hasil positif dari segi kestabilan politik, pertumbuhan ekonomi, dan hubungan diplomatik. Hubungan pragmatik yang dibina berdasarkan kepentingan bersama membolehkan Malaysia menjadi negara ASEAN yang paling banyak mendapat manfaat daripada hubungan dengan China. Bab ini juga membincangkan peranan Malaysia dalam mempromosikan kestabilan serantau melalui ASEAN dan kerjasama dua hala dengan China. Penulis menekankan pentingnya mengekalkan hubungan baik ini untuk masa depan, sambil terus mengimbangi pengaruh kuasa besar lain seperti Amerika Syarikat. Penilaian mendalam terhadap elemen domestik dan antarabangsa dalam pembentukan strategi Malaysia memberikan penutup yang padat dan bermakna bagi buku ini.

Secara keseluruhannya, buku 61 Tahun Grand Strategy Malaysia terhadap China oleh Mohamad Ikhran Mohamad Ridzuan, Mohd Ikbal Mohd Huda, dan Sity Daud memberikan analisis komprehensif tentang evolusi dasar luar Malaysia terhadap China dari tahun 1957 hingga 2018. Penulis menelusuri hubungan bilateral ini yang bermula dengan permusuhan akibat Perang Dingin, beralih kepada normalisasi hubungan

pada era Tun Abdul Razak, dan seterusnya berkembang menjadi kerjasama strategik yang matang pada era moden. Buku ini membincangkan bagaimana Malaysia, sebagai sebuah negara kecil, merangka strategi luar yang pragmatik dan fleksibel untuk mengimbangi tekanan geopolitik dan kepentingan domestik. Penulis memberikan perhatian kepada cabaran utama seperti ancaman komunisme, isu Laut China Selatan, dan ketidakseimbangan perdagangan, sambil menyoroti peluang strategik yang diperoleh melalui projek-projek besar seperti ECRL dan kerjasama serantau di bawah ASEAN. Melalui gabungan analisis sejarah, ekonomi, dan geopolitik, penulis menunjukkan bahawa pendekatan pragmatik dan selektif Malaysia membolehkan negara ini memanfaatkan hubungan dengan China untuk kestabilan politik, pembangunan ekonomi, dan kedudukan strategik dalam geopolitik serantau. Buku ini menjadi rujukan penting bagi memahami dinamik hubungan Malaysia-China dan relevansi strategi grand bagi negara kecil dalam menangani cabaran kuasa besar. Penulis menegaskan perlunya pendekatan strategik ini diteruskan demi manfaat jangka panjang kepada Malaysia.

Penghargaan dan Pengisytiharan

Penulis merakamkan penghargaan kepada para penilai tanpa nama (anonymus reviewers) kerana kesudian penilaian serta cadangan penambahbaikan kualiti manuskrip. Tiada potensi konflik berkepentingan sepanjang proses penerbitan.

Rujukan

- Ridzuan, M.I.M., Jambol, D.J.A., Zulkifli, N., & Abdullah, Z. 2024. "Interdependency and Reliability in Malaysia-China Relations Asmidst The Balance of Threat". *Quantum Journal of Social Sciences and Humanities* 5, no.5: 1-10.[doi.Org/10.55197/Qjssh.V5i5.422](https://doi.org/10.55197/Qjssh.V5i5.422)
- Ridzuan, M.I.M. & Ma'dan, M. 2023. "Abdullah Badawi's Foreign Policy Towards China: Three Level Analaysis of a Pragmatic and Idealistic Diplomacy Strategy in a Two-Way Cooperation". *Journal of Internasional Studies* 19, no 1: 145-168. [doi.Org/10.32890/Jis2023.19.1.6](https://doi.org/10.32890/Jis2023.19.1.6)